

25/07/2000

`Ada pihak bimbang kerjasama Asean+3'

Zulkofli Jamaludin in Bangkok

BANGKOK, Isnin - Malaysia mengkritik pihak yang menganggap kerjasama antara Asean dan tiga negara rakan dialog, China, Jepun dan Korea Selatan (Asean+3) sebagai blok perdagangan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata tiada siapa membuat bising berhubung penubuhan Nafta.

Malah, katanya tidak ada siapa yang mendakwa Kesatuan Eropah (EU) sebagai blok perdagangan.

"Bagaimanapun, apabila kerjasama Asean+3 terbentuk ada pihak yang begitu bimbang. Penubuhannya adalah cara negara di rantau ini menjadi rakan kongsi aktif dalam proses globalisasi secara keseluruhan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai, merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri (AMM) ke-33 bertema Ke Arah Agenda Pembangunan Menyeluruh, di sini hari ini.

Asean kini dianggotai oleh 10 negara Asia Tenggara - Brunei, Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Syed Hamid berkata, kerjasama Asean+3 perlu dilihat secara positif kerana Asia Pasifik mewakili penduduk seramai 1.2 bilion dan bukan pasaran eksklusif. Begitu juga permohonan China menyertai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Malah Jepun yang menganggotai kumpulan negara maju (G8) melihat secara positif (Asean +3), bukan saja dari segi pembangunan negara, tetapi pembangunan dunia.

"Ini membolehkan negara di Asia Pasifik melihat kerjasama dari aspek lebih luas selaras matlamat memakmurkan jiran," katanya.

Tahun ini tiga mesyuarat membabitkan Asean+3 diadakan, bermula mesyuarat menteri perdagangan di Myanmar serta menteri kewangan (Thailand) pada Mei lalu dan disusuli mesyuarat rasmi menteri luar pada AMM ini.

Beliau berkata, kesediaan G8 menjemput Asean dan Negara Selatan-Selatan menghadiri mesyuarat negara maju membolehkan pandangan negara membangun turut diberi perhatian.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah penggerak utama dalam menyuarakan pandangan dan hasilnya G8 menjemput Pengerusi Asean, Chuan Lekpai mewakili Asean baru-baru ini.

Sehubungan itu, kita menyambut baik langkah Itali yang menjadi tuan rumah mesyuarat G8 di Rom tahun depan, turut menjemput wakil Asean dan Negara Selatan-Selatan.

Menjawab soalan pemberita asing mengenai pengganas Islam, Syed Hamid berkata, keganasan tidak mempunyai warna dan pelbagai pihak boleh terbabit dan tidak semestinya hanya umat Islam saja.

"Jadi, kita tidak harus meletakkan warna, puak atau agama kerana semua agama tidak membenarkan penganutnya melakukan keganasan dan kekejaman," katanya sambil menambah, penahanan tebusan berlaku di mana saja.

Ditanya mengenai cadangan menukarkan mekanisme kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Asean, beliau berkata, perkara itu tidak dibincangkan kecuali dibangkitkan Menteri Luar Thailand, Dr Surin Pitsuwan, ketika majlis makan malam.

"Isu draf penubuhan suruhanjaya itu tidak timbul sama sekali. Negara yang tidak mempunyai suruhanjaya hak asasi perlu menubuhkannya terlebih dahulu sebelum dikembangkan di peringkat Asean.

"Setakat ini hanya Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina mempunyai

suruhanjaya itu," katanya.

(END)